


## 1 PEMILIHAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN



Kanser kolorektal merupakan kanser kedua kerap berlaku di Malaysia dan saringan awal boleh dilaksanakan menggunakan Immunological Fecal Occult Blood test (IFOBT). Pencapaian saringan kanser kolorektal di Klinik Kesihatan (KK) Daerah Mersing adalah rendah iaitu 195 ujian bagi tahun 2022 dan kes positif tidak dikendalikan dengan baik. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan saringan IFOBT dan menambahbaik pengendalian kes positif IFOBT di KK Daerah Mersing.

**S-** Pencapaian saringan kanser kolorektal rendah di klinik  
**M-** Jumlah saringan IFOBT boleh diukur  
**A-** Kes positif boleh dirujuk segera  
**R-** Proses kerja sistematik elak kecikiran sampel  
**T-** Kajian dilakukan dalam tempoh 1 tahun

## 2 PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

- Indikator bagi kajian ini ialah bilangan saringan IFOBT yang dijalankan di KK Daerah Mersing meningkat 80% lebih tinggi daripada pencapaian tahun 2022.
- Bilangan klien positif IFOBT yang dirujuk ke klinik pakar juga diukur untuk pengendalian kes positif.

## 3 PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT



- Kajian penambahbaikan kualiti ini dilaksanakan di semua klinik kesihatan daerah Mersing. Data diambil daripada reten bulanan, pencapaian tahunan dan borang kaji selidik
- Intervensi pertama telah dilaksanakan pada Januari-Mac 2023.
- Manakala pasca intervensi pada April -Julai 2023.
- Intervensi kedua pada September-November 2023
- Pasca intervensi pada Disember -Februari 2024.

## 4 ANALISIS & INTERPRETASI

Faktor penyebab dikenalpasti ialah pengetahuan anggota kesihatan tentang ujian IFOBT yang tidak optimum, proses kerja saringan berbeza antara klinik, klien tidak memulangkan botol sampel dan tiada cara pemantauan yang efisien.




## 5 STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

- Strategi penambahbaikan termasuklah taklimat kesedaran kanser kolorektal, pemberian infografik, dan pengukuhan proses kerja ujian IFOBT menggunakan google sheet ujian IFOBT.
- Group whatsapp diwujudkan merangkumi paramedik, juruteknologi makmal serta pegawai perubatan klinik.
- Google sheet ujian IFOBT positif dan group Whatsapp melibatkan Liaison Officer Pejabat Kesihatan Mersing dan klinik pakar pembedahan diwujudkan untuk menambahbaik pengendalian kes positif.



## 6 KESAN PENAMBAHBAIKAN

Pasca intervensi menunjukkan peningkatan sampel IFOBT kepada 265 sampel (April -Julai 2023) berbanding 31 sampel (Januari-Mac 2023) (CARTA 1). Keseluruhan jumlah sampel meningkat 263% dari tahun 2022 iaitu 709 sampel (CARTA 2). Rujukan klien positif ke klinik pakar pembedahan meningkat daripada 19 orang (2022) kepada 63 orang (2023) (CARTA 3).



## 7 LANGKAH SETERUSNYA

Projek akan diteruskan untuk meningkatkan saringan kanser kolorektal dan rujukan kes positif.

## 8 PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Pegawai Kesihatan Daerah Mersing, semua warga klinik kesihatan daerah Mersing, klinik pakar Hospital Mersing dan semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan kajian ini.